

Sambungan elektrik dipercayai punca kebakaran kuarters di Putrajaya

Oleh JUNHAIRI ALYASA

PUTRAJAYA - Sambungan elektrik yang banyak dipercayai menjadi punca kebakaran yang hampir mengorbankan seorang wanita di sebuah unit rumah pangsapuri di tingkat empat, Blok B1, Presint 16 di sini kelmarin.

Dalam kejadian pukul 9.15 malam itu, mangsa, Nik Asiah Nik Yaacob, 58, yang merupakan ibu saudara kepada pemilik kuarters penjawat awam tersebut diselamatkan oleh jiran yang tinggal di hadapan rumah itu.

Ketika kejadian, pemilik rumah itu, Saufi Mat Hassan, 37, yang merupakan pembantu akauntan di Jabatan Akauntan Negara bersama isteri dan dua anaknya ke pusat beli-belah berdekatan sejak pukul 6.30 petang.

Pangsapuri itu setinggi 15 tingkat.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim, walaupun punca kebakaran masih disiasat namun jangkaan awal pihaknya ialah berpunca daripada sambungan elektrik yang banyak di bilik utama rumah itu.

"Mungkin kejadian ini berpunca daripada penggunaan elektrik yang disambung dengan banyak menyebabkan 'casing' cair dan berlaku kebakaran sehingga merebak ke bahagian lain," katanya di lokasi kejadian semalam.

Dalam kejadian itu, seramai 23 pegawai dan anggota bomba berjaya mengawal kebakaran sepenuhnya pukul 9.35 malam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisioner Rosly



ANGGOTA bomba memadamkan kebakaran sebuah unit pangsapuri di tingkat empat Blok B1, Presint 16, Putrajaya malam kelmarin.

Hasan berkata, ketika kejadian, Nik Asiah memaklumkan dia berada di bilik ketiga di kuarters tersebut.

"Selepas selesai solat Isyak, dia memadamkan lampu untuk tidur sebelum terbau asap di bahagian luar.

"Setelah membuka lampu dan pintu bilik, dia mendapati asap memenuhi ruang rumah. Mangsa kemudiannya diselamatkan jiran yang menyedari berlaku kebakaran," katanya.